

# TUSS-DEX SYRUP

Triprolidine hydrochloride (1.25mg/5ml), pseudoephedrine hydrochloride (30mg/5ml), dextromethorphan hydrobromide (15mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tuss-Dex*
2. Bagaimana *Tuss-Dex* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Tuss-Dex*
4. Cara menggunakan *Tuss-Dex*
5. Semasa menggunakan *Tuss-Dex*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Tuss-Dex*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang
- Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Tuss-Dex*

Ia digunakan untuk melegakan batuk tak berkahak akibat iritasi tekak dan sistem pernafasan yang ringan, kesesakan hidung, bersin dan hidung berhingus semasa selesama dan alergi.

## Bagaimana *Tuss-Dex* berfungsi

*Tuss-Dex* adalah ubat mengandungi pseudoephedrine hydrochloride, yang mengurangkan kesesakan hidung dan triprolidine hydrochloride, antihistamine yang membantu menghentikan bersin, hingus dan mata berair. Dextromethorphan mengurangkan batuk.

## Sebelum menggunakan *Tuss-Dex*

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil *Tuss-Dex*:

- Jika ada alahan kepada antihistamina lain atau bahan-bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam *Tuss-Dex*.
- Jika telah makan dalam dua minggu lepas atau sedang memakan ubat depresi yang dikenali sebagai monoamine oxidase inhibitors(MAOIs).

### - Sebelum menggunakan *Tuss-Dex*

Sila beritahu doktor sebelum menggunakan *Tuss-Dex* jika ada penyakit tekanan darah tinggi atau penyakit jantung, asma, masalah hati, glaukoma (peningkatan tekanan dalam mata), hipertiroidisme (kelenjar tiroid yang terlalu aktif) dan pembesaran prostat.

Keselamatan penggunaan pada wanita mengandung belum disahkan. Ia tidak seharusnya digunakan pada ibu yang menyusu. Sila minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi jika masih batuk selepas pengambilan ubat untuk 7 hari. Jangan guna untuk kanak-kanak kurang daripada 2 tahun. Untuk kanak-kanak dari 2 – 6 tahun, guna dengan berhati-hati dan dengan nasihat doktor atau ahli farmasi.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil:

- alkohol
- ubat yang digunakan untuk membantu menenangkan, tidur atau melegakan keresahan seperti ubat depresi system saraf pusat
- ubat yang digunakan untuk merawat depresi seperti monoamine oxidase (MAO) inhibitors
- ubat untuk mengendalikan keadaan jantung seperti Atropine

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan *Tuss-Dex*

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 camca teh (10ml) tiga atau empat kali sehari seperti yang diperlukan, tidak melebihi 40ml/hari. Kanak-kanak 6 – 12 tahun: 1 camca teh (5ml) tiga atau empat kali sehari seperti yang diperlukan, tidak melebihi 20ml/hari. Kanak-kanak 2 – 5 tahun: ½ camca teh (2.5ml) tiga atau empat kali sehari seperti yang diperlukan, tidak melebihi 10ml/hari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda terlebih dos termasuk tidak stabil, kemerahan muka, sesak nafas,

halusinasi (mendengar suara atau melihat benda yang sebenarnya tidak wujud), pening, sawan, kekeringan mulut, hidung atau tekak, sakit kepala berpanjangan dan denyutan jantung luarbiasa lambat atau cepat, kekeliruan, rasa teruja yang luarbiasa, kegelisahan, keresahan atau senang marah.

## Semasa menggunakan *Tuss-Dex*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Tuss-Dex*.

Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi *Tuss-Dex* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau melakukan pekerjaan yang memerlukan perhatian kerana kemungkinan berlakunya pening. Elakkan minuman beralkohol.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Tuss-Dex* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Sila berjuma dengan doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Pening kepala, kelesuan, pening, loya, muntah, sakit gastrik, kabur penglihatan, kekeliruan, susah kencing, rasa denyutan jantung cepat, sakit kepala, bunyi deringan dalam telinga, mulut kering, anoreksia (gangguan pemakanan) dan resah mungkin kadang-kadang berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my)

(Consumers → Reporting)

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Tuss-Dex*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, di bawah suhu 25°C. Jauhkan daripada

cahaya. Jauhi semua ubat daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Sirap warna coklat berperisa plum masam.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: triprolidine hydrochloride, pseudoephedrine hydrochloride dan dextromethorphan hydrobromide.
- Bahan tidak aktif: methyl parabens propyl parabens, sour plum flavor,, liquid glucose, liquid caramel, sodium citrate, sodium chloride, sodium carboxymethylcellulose, sirap dan air.

- Nombor MAL

MAL19930042AZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini**

14/04 /2016

**Nombor siri**

BPFK(R4/1)140416/00109